TERMA DAN SYARAT EJEN PARKING
APLIKASI HTPARK
Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT)

1.0 PELANTIKAN EJEN

1.1 Individu atau syarikat yang berminat boleh memohon untuk menjadi Ejen Parking melalui aplikasi HTPark.

1.2 Semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT).

1.3 MDHT berhak menolak mana-mana permohonan tanpa perlu memberikan sebarang alasan.

2.0 KELAYAKAN EJEN

Ejen hendaklah memenuhi syarat berikut:

a) Warganegara Malaysia atau syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
b) Mempunyai kedudukan kewangan yang stabil;
c) Mempunyai lesen perniagaan yang sah (jika berkaitan);
d) Tidak terlibat dalam sebarang aktiviti penyelewengan;
e) Bersetuju untuk diaudit oleh pihak Majlis;
f) Bersetuju mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

3.0 SKOP PERANAN EJEN

Ejen yang dilantik berperanan seperti berikut:

a) Membantu pendaftaran pengguna baharu aplikasi HTPark;
b) Memberi tunjuk ajar penggunaan aplikasi kepada orang awam;
c) Membantu pengguna membuat bayaran parkir melalui aplikasi;
d) Bertindak sebagai pusat tambah nilai kredit aplikasi HTPark;
e) Membantu mempromosikan penggunaan aplikasi HTPark.

4.0 PENGURUSAN KREDIT DAN TRANSAKSI

4.1 Semua transaksi hendaklah direkodkan melalui sistem aplikasi HTPark.

4.2 Ejen tidak dibenarkan menjalankan kutipan atau transaksi di luar sistem yang diluluskan.

4.3 Ejen bertanggungjawab memastikan ketepatan setiap transaksi yang dibuat.

4.4 Sebarang penyalahgunaan sistem boleh dikenakan tindakan oleh pihak Majlis.

5.0 KOMISEN EJEN

5.1 Ejen yang dilantik layak menerima komisen sebanyak **5%** daripada jumlah tambah nilai kredit yang dijalankan melalui ejen.

5.2 Pembayaran komisen adalah tertakluk kepada kaedah dan tempoh yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

5.3 MDHT berhak untuk menyemak atau mengubah kadar komisen dari semasa ke semasa dengan notis yang bersesuaian.

6.0 PENJUALAN KUPON PARKIR

6.1 Ejen dibenarkan menjual kupon parkir fizikal (kupon gores) yang diluluskan oleh Majlis.

6.2 Semua kupon hendaklah diperoleh daripada pihak Majlis.

6.3 Ejen tidak dibenarkan menjual kupon melebihi harga yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

6.4 Ejen hendaklah memastikan setiap penjualan kupon direkodkan dengan lengkap bagi tujuan pemantauan dan audit.

6.5 Ejen bertanggungjawab ke atas keselamatan stok kupon yang dipegang, termasuk kehilangan, kerosakan atau penyalahgunaan.

6.6 Sebarang kehilangan atau ketidakpadanan stok kupon hendaklah dilaporkan segera kepada pihak Majlis.

6.7 Ejen tidak dibenarkan menghasilkan, mengubah atau mengedarkan kupon tanpa kebenaran rasmi Majlis.

6.8 Majlis berhak menjalankan pemeriksaan stok kupon pada bila-bila masa.

7.0 LARANGAN DAN SALAH LAKU

Ejen adalah dilarang untuk:

a) Menjual kredit melebihi kadar yang ditetapkan;
b) Menyalahgunakan akaun atau sistem aplikasi;
c) Menggunakan status ejen untuk tujuan selain daripada yang dibenarkan;
d) Memberi maklumat palsu semasa permohonan atau sepanjang tempoh pelantikan.

8.0 PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN

8.1 MDHT berhak menggantung atau menamatkan pelantikan ejen sekiranya:

- Melanggar mana-mana terma dan syarat;
- Terlibat dalam penyelewengan atau salah laku;
- Menerima aduan yang munasabah daripada pengguna;

8.2 Penamatan boleh dibuat tanpa notis sekiranya melibatkan kepentingan awam atau integriti hasil Majlis.

9.0 AUDIT DAN PEMANTAUAN

8.1 Ejen bersetuju untuk diaudit oleh pihak Majlis dari semasa ke semasa.

8.2 Ejen hendaklah memberikan kerjasama penuh dalam sebarang semakan atau audit.

10.0 HAD LIABILITI

9.1 Pihak Majlis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian akibat kecuaian atau salah laku ejen.

9.2 Ejen bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tindakan dan transaksi yang dilakukan.

11.0 PINDAAN TERMA

MDHT berhak untuk meminda terma dan syarat ini pada bila-bila masa. Sebarang pindaan akan dimaklumkan melalui aplikasi HTPark.

12.0 PENERIMAAN TERMA

Dengan membuat permohonan sebagai ejen melalui aplikasi HTPark, pemohon dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat yang ditetapkan

Disahkan Oleh:



MOHD HAMDAN BIN MOHD NOR
SETIAUSAHA
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU